

PENYATA PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Penyata Pendedahan Produk (PPP) ini memberikan maklumat penting mengenai akaun deposit berjangka.

Pelanggan lain telah membaca PPP ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga dinasihatkan untuk membacanya.**



BANK SIMPANAN NASIONAL

Tarikh: _____

1 Apakah BSN Term Deposit-i?

BSN Term Deposit-i ialah akaun deposit berjangka Islamik dengan kadar keuntungan tetap yang ditawarkan kepada semua pelanggan individu dan bukan individu. **BSN MyFortune** adalah skim deposit berjangka Islamik di bawah produk BSN Term Deposit-i dengan manfaat cabutan yang ditawarkan kepada semua Pelanggan bukan individu.

Konsep Syariah yang diguna pakai bagi produk ini adalah Tawarruq (Murabahah Komoditi) yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urusniaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta. Konsep Tawarruq ini juga melibatkan kontrak Wakalah (Perwakilan) dengan menggunakan struktur dwi-wakil yang merangkumi Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk membeli Komoditi daripada pihak ketiga; dan Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk menyempurnakan penjualan Komoditi secara Murabahah kepada Bank.

Bagi produk akaun deposit berjangka ini,

- Anda hendaklah memenuhi kriteria kelayakan berikut:

Produk	Kriteria Kelayakan
BSN Term Deposit-i	Individu 7 tahun ke atas / Bukan Individu
BSN Term Deposit-i Senior Citizen	Individu 50 tahun dan ke atas
BSN MyFortune	Bukan Individu

- Anda hendaklah membuat peletakan minimum mengikut tempoh seperti berikut:

- BSN Term Deposit-i:

Tempoh (Bulan)	Peletakan Minimum (RM)		Kekerapan Pembayaran Keuntungan
	Individu	Bukan Individu	
1	1,000	1,000	Pada Tarikh Matang
2-5	500	1,000	Pada Tarikh Matang
6-12	500	1,000	Pada Tarikh Matang
	5,000	5,000	Setiap bulan / Pada Tarikh Matang
15-60	500	1,000	Setiap 6 bulan / Pada Tarikh Matang
	5,000	5,000	Setiap bulan / Setiap 6 bulan / Pada Tarikh Matang

- BSN Term Deposit-i Senior Citizen:

Tempoh (Bulan)	Peletakan Minimum (RM)	Kekerapan Pembayaran Keuntungan
12-60	5,000 – 50,000	Setiap 4 bulan / Pada Tarikh Matang
	> 50,000	Setiap bulan / Pada Tarikh Matang

- BSN MyFortune:

Tempoh (Bulan)	Peletakan Minimum (RM)	Kekerapan Pembayaran Keuntungan
1,3,6,9 & 12	RM5,000	Pada Tarikh Matang

- Anda layak menerima keuntungan berdasarkan pengiraan keuntungan, **sebagai ilustrasi:**

Formula:

$$\text{Jumlah Peletakan Deposit (RM)} \times \text{Kadar Keuntungan (\%)} \times \frac{\text{Bil. Hari Peletakan Deposit}}{365@366 \text{ hari}}$$

- Jumlah Peletakan Deposit = **RM5,000**
- Tempoh Peletakan = **1 bulan**
- Kadar Keuntungan* = **2.75% setahun**

Secara keseluruhan, anda akan memperoleh keuntungan sebanyak RM11.30 pada akhir tempoh 1 bulan.

Anda perlu membaca dan memahami terma dan syarat bagi akaun deposit berjangka ini:



Jumlah **prinsipal** anda akan **dibayar sepenuhnya** sekiranya anda menebus akaun deposit berjangka anda.



Menyedari bahawa anda **terdedah kepada risiko yang berkaitan** sekiranya anda membuat **penebusan awal atau permintaan awal** bagi Harga Jualan (jumlah deposit termasuk keuntungan) sebelum tarikh matang.



Segera hubungi BSN sekiranya anda tidak dapat mengakses akaun anda bagi mengelakkan isu luar jangka.

*Kadar keuntungan adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Sila lawati laman web kami di <https://www.bsn.com.my/page/profit-rates?lang=ms-MY&csrf> untuk maklumat lanjut mengenai kadar keuntungan.

2 Ketahui Risiko Anda

Apa yang berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

- Anda **dinasihatkan untuk mempertimbangkan** semua faktor risiko dan mendapatkan bantuan lanjut daripada pegawai Bank di cawangan terdekat, jika perlu, sebelum membuat keputusan penempatan deposit.
- Bank berhak mengklasifikasikan sebarang wang yang kekal dalam Akaun anda dan tidak beroperasi selama tujuh (7) tahun dari tarikh transaksi terakhir sebagai **“Wang Tidak Dituntut”**. Bank boleh mengambil tindakan yang diperlukan di bawah Akta Wang Tidak Dituntut 1965 (termasuk sebarang pindaan terhadapnya). Anda boleh menuntut dana tersebut secara langsung daripada Pendaftar Wang Tidak Dituntut.
- Anda **mungkin tidak akan menerima** sebarang keuntungan bagi deposit yang telah diklasifikasikan sebagai Wang Tidak Dituntut.

3 Terma Utama Lain

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada BSN sebarang perubahan maklumat dalam butiran peribadi anda untuk memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Kadar keuntungan adalah tetap dan akan ditentukan terlebih dahulu semasa penempatan deposit dibuat.
- Penebusan sebahagian bagi Term Deposit-i dan BSN MyFortune ini tidak dibenarkan.
- Pengeluaran awal dibenarkan tetapi tiada keuntungan akan dibayar.
- Anda boleh memilih untuk memperbaharui Term Deposit-i dan BSN MyFortune sama ada jumlah prinsipal sahaja atau jumlah prinsipal bersama keuntungan, jika berkenaan. Pembaharuan automatik (rollover) turut disediakan.
- Bagi BSN MyFortune, anda akan layak untuk menyertai cabutan yang akan dianjurkan oleh pihak BSN dan hadiah akan diberikan di dalam bentuk wang tunai akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan anda di BSN.
- Tiada yuran dan caj akan dikenakan untuk produk ini.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai akaun deposit berjangka anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
Tel: 03-2613 1900
(8.00 pagi – 10.00 malam)



Kunjungi kami di:
<https://www.bsn.com.my/Islamic-cBanking/Deposits-i/islamic-deposit-index?lang=ms-MY>



E-mel kami di:
customercare@bsn.com.my



Imbas kod QR di atas